

FAKS : 05-4582776

GARIS PANDUAN PERMOHONAN CENDERAMATA

1. Selaras dengan Arahan Pengurusan Berhemat, Cenderamata Korporat UPSI hanya akan diluluskan kepada:
 - i. Perasmi / tetamu khas majlis rasmi universiti yang dijemput dari luar
 - ii. Ketua delegasi sesuatu lawatan kerja / rasmi daripada organisasi luar
 - iii. Lawatan kerja rasmi staf atau pelajar ke organisasi luar
 - iv. Penceramah jemputan, ahli panel forum (yang tidak berbayar / honorarium)
 - v. Satu (1) Cenderamata sahaja untuk 1 aktiviti

2. Cenderamata Korporat UPSI **TIDAK BOLEH** diberikan bagi tujuan-tujuan seperti berikut:
 - i. Kakitangan dan pelajar UPSI untuk sebarang tujuan
 - ii. Perasmi/Penceramah yang merupakan kakitangan UPSI
 - iii. Penceramah/hakim/juri/ahli panel forum yang dibayar honorarium / kadar professional
 - iv. Program/aktiviti yang telah diperuntukan bajet cenderamata
 - v. Cenderamata (Door gift) kepada pengunjung/tetamu aktiviti yang dianjurkan sama ada oleh Pusat Tanggungjawab mahupun pelajar.
 - vi. Cenderamata bagi aktiviti penyelidikan/persidangan pensyarah.
 - vii. Cenderamata kepada ahli mesyuarat/peserta seminar/persidangan/kursus dan pertandingan yang dianjurkan oleh/di UPSI/PTj atau jemputan luar.
 - viii. Program / aktiviti yang lambat membuat permohonan/ tidak mengikut prosedur / tidak bersesuaian dengan program

3. Cenderamata Plate "*WE LOVE UPSI*"
 - i. Permohonan perlu disertakan dengan kelulusan kertas kerja.
 - ii. Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada penganjuran program peringkat Daerah/Negeri/Kebangsaan/IPT/Antarbangsa sahaja.
 - iii. Kelulusan permohonan terhad kepada 1 unit/ sekolah
 - iv. Setiap sekolah hanya boleh menerima sekali sahaja plate "*We Love UPSI*"